

01 MAY 1998

BUKU ASAS BAHASA MELAYU DAN KAMUS POPULAR DI KAMPUNG BUKU

LANGKAWI, 1 Mei (Bernama) -- Buku-buku asas mempelajari Bahasa Melayu termasuk kamus menjadi pilihan popular di kalangan pelancong yang mengunjungi Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang Ulu Melaka di sini.

Pengarah Kampung Buku itu Haji Hashim Ismail hari ini berkata buku-buku itu paling popular di kalangan pelawat Jepun dan Taiwan.

Kampung itu juga menyediakan buku sastera dan sejarah Melayu yang diterjemahkan ke Bahasa Inggeris bagi membantu memperkenalkan hasil karya sastera dan sejarah tempatan kepada pelancong asing.

Katanya Kampung Buku itu mudah mendapat publisiti kerana ia mempunyai hubungan dengan semua rangkaian kampung-kampung buku di seluruh dunia dan ini membolehkan beritanya disiarkan dalam buletin kampung buku di luar negeri.

Kampung Buku di sini yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 3 Dis lepas merupakan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan ia mudah menarik pelancong kerana dibina di kawasan hutan lipur dan mempunyai ciri-ciri kampung tradisional.

-- BERNAMA

ZI RON